

Aedes biak lebih cepat dalam cuaca panas

Masyarakat kurang pengetahuan punca kes demam denggi meningkat



“Waktu aktif nyamuk aedes ialah antara jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi serta antara jam 5.30 petang dan 8.30 malam, tetapi ia juga boleh aktif menggigit pada waktu lain sekiranya cuaca persekitaran menyamai waktu aktifnya iaitu suhu kurang daripada 28 darjah Celsius.”

Dr Hidayatullah Othman,
Pensyarah Entomologi Perubatan di Fakulti Sains Kesihatan UKM

Salah faham punca kes meningkat

Berikutan peningkatan kes demam denggi akhir-akhir ini, kerajaan dan masyarakat saling menyalahkan antara satu sama lain sebagai punca kes demam denggi meningkat di negara ini. Masyarakat dikatakan gagal menjaga kebersihan, enggan bergotong-royong memusnahkan tempat pembiakan nyamuk dan gagal memberi kerjasama ketika aktiviti semburan kabus, manakala kerajaan didakwa gagal melakukan semburan lebih kerap untuk mengawal nyamuk aedes. Bagaimanapun, salah faham itu sebenarnya berpunca daripada kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai cara menanganinya nyamuk aedes. Pensyarah Entomologi Perubatan di Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya



Pelbagai pameran memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai nyamuk aedes. (GAMBAR HIASAN)



tika ditemui baru-baru ini.

Dua jenis nyamuk aedes

Dr Hidayatullah berkata, nyamuk aedes terdiri daripada dua jenis, iaitu *aedes aegypti* dan *aedes albopictus* yang sama kuat membawa virus denggi dengan kedua-duanya menggigit pada siang hari. *Aedes aegypti* sangat domestik kerana tinggal dalam rumah bersama manusia, membiak di bawah bumbung, anjung atau tempat letak kereta serta hinggap di celah langsir dan gantungan baju, manakala *aedes albopictus* tinggal di luar rumah dengan membiak di lubang pokok atau bekas sampah yang tidak diurus baik. Nyamuk aedes perlu menghisap darah untuk mendapatkan protein dan zat besi bagi menghasilkan telur dengan seekor nyamuk *aedes aegypti* boleh bertelur antara 80 dan 200 biji, manakala *aedes albopictus* boleh bertelur antara 40 dan 80 biji. Kitar hidup nyamuk aedes dalam air adalah antara tujuh hingga lapan hari, manakala jangka hayat nyamuk dewasa ialah antara tiga dan empat minggu dengan seekor nyamuk mampu bertelur sebanyak lima atau enam kali. Sebenarnya, sukar untuk mengelak

daripada digigit nyamuk aedes kerana ia menggigit pada siang hari berbanding nyamuk lain yang aktif pada waktu malam dengan orang ramai boleh berlindung hanya menggunakan kelambu.

Dr Hidayatullah berkata, waktu aktif nyamuk aedes ialah antara jam 6.30 pagi hingga 8.30 pagi serta antara jam 5.30 petang dan 8.30 malam, tetapi ia juga boleh aktif menggigit pada waktu lain sekiranya cuaca persekitaran menyamai waktu aktifnya iaitu suhu kurang daripada 28 darjah Celsius.

Boleh bertelur dalam bekas sebesar syiling 20 sen

Beliau berkata, nyamuk aedes boleh bertelur dalam bekas sebesar syiling 20 sen yang mengandungi air bersih dengan telur akan melekat pada dinding bekas di sekeliling gigi air. “Untuk membersihkan bekas pembiakan nyamuk, kita tidak boleh hanya membuang airnya sahaja, tetapi perlu memberus dinding bekas untuk membuang telur atau menyiram dengan air panas yang suhunya lebih 80 darjah Celsius untuk membunuh telur.”

“Tanpa memberus atau membunuhnya dengan air panas, telur yang



MOHD ZIN ALI

mdangbh.com.my



Gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran boleh mencegah pembiakan nyamuk aedes. (GAMBAR HIASAN)

Semburan kabus dalam rumah gagal dapat kerjasama penduduk

Jurnal antarabangsa dan kajian oleh universiti awam mendapati nyamuk aedes di kawasan Lembah Klang kini mula menunjukkan kerintangan terhadap racun serangga sejak tiga tahun lalu. Pensyarah Entomologi Perubatan di Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Hidayatullah Othman, berkata jika dahulu, 100 nyamuk disemur racun serangga, semua akan mati, tetapi sejak 2013, lima daripadanya boleh hidup kerana sudah mula rintang akibat berlaku perubahan genetik.

Katanya, kerintangan itu terbentuk akibat penggunaan semburan kabus yang berleluasa kerana sebelum ini setiap kawasan berisiko denggi akan disemur setiap enam bulan sama ada mempunyai kes denggi atau tidak.

Beliau berkata, sejak tiga tahun lalu, Kementerian Kesihatan membuat keputusan bahawa semburan kabus hanya dilakukan apabila sesuatu kawasan itu mempunyai kes denggi untuk mengelak kerintangan dan pencemaran alam sekitar.

“Bagaimanapun, peningkatan kes denggi sejak dua tahun lalu menyebabkan semburan terpaksa dilakukan lebih kerap kerana ia adalah prosedur operasi standard Kementerian,” katanya.

Semburan kabus hanya bunuh nyamuk dewasa

Hidayatullah berkata, usaha mengurangkan semburan kabus untuk mengelak masalah kerintangan itu menyebabkan salah tanggapan masyarakat terhadap kerajaan, kononnya tidak melakukan apa-apa untuk menangani masalah nyamuk aedes.

Beliau berkata, masyarakat sebenarnya juga perlu tahu bahawa sem-

buran kabus tidak menyelesaikan masalah kerana ia hanya membunuh nyamuk dewasa, tetapi tidak membunuh jeintik dan pupa.

“Sebenarnya, selagi ada tempat pembiakan nyamuk, selagi itu kita akan ada nyamuk aedes. Apabila pegawai Jabatan Kesihatan datang melakukan semburan kabus, orang ramai pula kebanyakannya bertindak menutup pintu dan tingkap rumah dan tidak memberi kerjasama kepada kakitangan berkenaan untuk datang dekat rumah.

mangkok tandas duduk. Masyarakat juga boleh menubuhkan pasukan Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBE) atau menggunakan platform sedia ada seperti Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) atau persatuan penduduk untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya nyamuk aedes.

Kerjasama banteras nyamuk aedes

Bagi kerajaan pula, antara usaha yang boleh dilakukan ialah menghasilkan iklan baharu yang menarik dengan kerjasama tokoh terkenal untuk membanteras nyamuk aedes dan mencari racun serangga yang lebih mesra alam dan berkesan dengan kerjasama institusi penyelidikan dan universiti awam.

Selain itu, menjalankan kerjasama antara pelbagai kementerian untuk menjalankan aktiviti mencari dan memusnahkan nyamuk aedes serta menggalakkan pembinaan rumah kekal nyamuk yang mempunyai reka bentuk atau struktur bangunan yang dapat mengelak pembiakan nyamuk.

Dr Hidayatullah berkata, antara usaha yang boleh dilakukan orang ramai untuk mengurangkan risiko digigit nyamuk aedes pula ialah menggunakan repejan sama ada dalam bentuk semburan, krim, gegeang atau tampalan yang banyak dijual di farmasi atau pasar raya.

Selain itu, penggunaan baju lengan panjang dan seluar panjang terutama yang berwarna terah juga dapat mengurangkan tarikan nyamuk untuk menggigit mangsa, menutup pintu dan tingkap sebelum waktu Maghrib seperti amalan orang tua dahulu serta menyembur aerosol dalam rumah untuk membunuh nyamuk dewasa.



Penguat kuasa Kesihatan menunjukkan jeintik nyamuk aedes.



Mangkok pasu bunga perlu dibersihkan bagi elak nyamuk aedes membiak. (GAMBAR HIASAN)

kelihatan seperti bintik tahi lalat itu boleh hidup dalam keadaan kering selama enam hingga sembilan bulan dan boleh menetas menjadi jeintik hanya dalam masa setengah hingga satu jam apabila terkena air,” katanya.

Selain itu, Dr Hidayatullah berkata, nyamuk aedes mempunyai kelebihan unik, iaitu boleh melakukan jangkitan secara transovarial selama lima keturunan. Ia adalah keadaan di mana nyamuk dewasa akan menyimpan virus denggi dalam ovari selepas menggigit pesakit denggi dengan setiap kali telur yang dihasilkan akan mempunyai virus di dalamnya.

“Bila telur menetas, jeintik yang dihasilkan akan sedia ada dengan virus berkenaan dan apabila menjadi nyamuk dewasa, ia boleh menularkan virus kepada orang lain yang sihat tanpa perlu hisap darah orang berpenyakit dengan virus ini boleh berlanjutan sehingga lima keturunan,” katanya.

Ikuti BH Plus
di www.bh.com.my
untuk lebih gambar dan video



Semburan kabus dilakukan di kawasan perumahan diserang demam denggi. (GAMBAR HIASAN)